Nama : Kelas :

Unit 7 Panjang, Jisim dan Isi Padu Cecair

Pilih jawapan yang betul.

1. Apakah unit ukuran yang sesuai untuk mengukur tinggi sebatang pokok kelapa?
   A mℓ
   B m
   C km
   D kg

2. Puan Naimah mempunyai 0.4 kg tepung. Dia membeli lagi 1.25 kg tepung. Berapakah jisim tepung Puan Naimah ada sekarang?
   A 1.56 kg
   B 1.60 kg
   C 1.65 kg
   D 1.77 kg

3. Sebotol susu mengandungi 1.2 ℓ. Hitung isi padu susu dalam 15 botol yang sama.
   A 15 ℓ
   B 15.5 ℓ
   C 16 ℓ
   D 18 ℓ

4. Husna mempunyai sehelai reben berwarna merah yang berukuran 254 cm. Nina pula mempunyai reben kuning yang berukuran 328 cm. Berapakah beza panjang reben mereka berdua?
   A 0.74 cm
   B 0.74 m
   C 0.74 mm
   D 0.74 km

5. Jarak dari rumah Aaron ke sekolah ialah 1.6 km. Bilangan hari persekolahannya ialah 5 hari seminggu. Hitung jumlah jarak Aaron pergi dan balik ke sekolah dalam seminggu.
   A 16 km
   B 16.2 km
   C 18.6 km
   D 19.2 km

6. Jarak antara Bandar A dengan Bandar B adalah 3 kali jarak antara Bandar C dengan Bandar D. Jika jarak antara Bandar C dengan Bandar D ialah 2 849 m, berapakah jarak antara Bandar A dengan Bandar B?
   A 8.16 km
   B 8.516 km
   C 8.547 km
   D 8.759 km

7. Salmiah mengisi 2 buah jag masing-masing dengan 1 980 mℓ dan 2 400 mℓ susu. Sebanyak 2 160 mℓ susu itu telah dihidangkan kepada tetamu. Berapakah isi padu susu yang tinggal?
   A 2 220 mℓ
   B 2 225 mℓ
   C 2 500 mℓ
   D 4 380 mℓ

8. Puan Erika membeli 3 peket gula. Jisim sepeket gula itu ialah 1.5 kg. Dia mengisi sama rata kesemua gula itu ke dalam 9 buah bekas. Cari jisim gula yang ada dalam 7 buah bekas itu.
   A 4.5 kg
   B 0.5 kg
   C 3.5 kg
   D 5.5 kg

9. Eva menggunakan 600 mℓ air dan 500 g beras untuk memasak nasi. Hitung isi padu air yang diperlukan untuk memasak 2 kg beras.
   A 2 000 mℓ
   B 2 300 mℓ
   C 2 400 mℓ
   D 2 500 mℓ

10. 2 ℓ cat diperlukan untuk mengecat dinding seluas 4 m^2. Berapa liter catkah yang diperlukan untuk mengecat dinding seluas 25 m^2?
    A 10.3 ℓ
    B 11.5 ℓ
    C 12.5 ℓ
    D 15.1 ℓ

LIVEWORKSHEETS

Selesaikan masalah yang berikut. SP 7.1 (i) TP 4 TP 5

1. Panjang sebatang jalan ialah 28 km. Pekerja menurap $\frac{3}{4}$ daripada jalan itu dengan tar dalam tempoh 3 jam. Berapakah masa yang diperlukan untuk menurap jalan yang belum diturap itu?

Jawapan: _____

2. Encik Malik membeli segulung dawai yang panjangnya 27 m berharga RM36. Dawai itu dipotong kepada 9 bahagian yang sama panjang. Dia memberikan 5 bahagian daripada dawai itu kepada Badrul. Hitung harga dawai yang diperoleh Badrul.

Jawapan: _____

3. Rajah berikut menunjukkan lokasi bagi empat buah rumah, *E*, *F*, *G* dan *H*.



Jarak dari *E* ke *G* adalah 12 km kurang daripada jarak dari *F* ke *G*. Jarak dari *G* ke *H* pula adalah $\frac{3}{8}$ daripada jarak dari *E* ke *F* melalui *G*. Jika Joseph mengambil masa 140 minit memandu dari *F* ke *E* melalui *G*, hitung masa yang diperlukan oleh Joseph untuk memandu dari *E* ke *H* melalui *G*.

Jawapan: _____

LIVEWORKSHEETS